




IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,  
BAHAGIAN PERKASTAMAN, ARAS 4 UTARA,  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,  
NO. 3, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 2,  
62596 PUTRAJAYA.



No. Tel : 03-8882 2645/  
03-8882 2873/  
No. Fax : 03-88895881/  
03-88895866

Ruj. Kami : KE.HE(44)051/05KLT.8(33)

Tarikh : 23 Mei 2013

Semua Pengarah Kastam  
**IBU PEJABAT**

Semua Pengarah Kastam Negeri

Pengarah Kastam  
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Pengarah  
Akademi Kastam Diraja Malaysia  
**MELAKA**

Pengarah Kastam  
**LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR**

Pengarah Kastam  
**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Pemungut Cukai Kastam Persekutuan  
**SINGAPURA**

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN SATU JAMINAN BANK/ BON AM**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan secara menyeluruh Satu Kod Agen Kastam (SKAK) bagi agen penghantaran yang berdaftar induk di KLIA telah bermula pada 16 Julai 2012. Berikutan itu, syarikat induk dibenarkan untuk mendaftar Satu Jaminan Bank (*Single Bank Guarantee*)/Bon Am yang akan mewakili semua cawangan syarikat

tersebut. Amaun jaminan bagi Jaminan Bank/Bon Am adalah bergantung pada keperluan cawangan masing-masing. Jaminan Bank yang sedia ada yang telah didaftarkan oleh cawangan (*Multiple Bank Guarantee*) akan tamat tempoh mengikut tarikh luput jaminan bank yang terbabit.

3. Walau bagaimanapun pihak syarikat/agen boleh membuat pilihan seperti berikut mengikut keperluan masing-masing:

- (i) satu Jaminan Bank didaftar di Syarikat Induk untuk pembayaran cukai (Format A- Perintah Tetap Kewangan Bil. 4 ) untuk mewakili semua cawangan Syarikat.
- (ii) satu Jaminan Bank didaftar di Syarikat Induk untuk Keselamatan hasil(Format B-Perintah Tetap Kewangan Bil. 4 ) untuk mewakili semua cawangan Syarikat.
- (iii) Satu Jaminan Bank (*Single Bank Guarantee*) yang menggabungkan kedua-dua fungsi pembayaran cukai dan keselamatan hasil (Format C) didaftar di Syarikat Induk untuk mewakili semua cawangan syarikat (**sila rujuk Lampiran C**).
- (iv) Menggunakan *Multiple Bank Guarantee*/Bon Am seperti amalan sekarang.

4. Namun demikian pilihan yang dibuat oleh pihak Syarikat/agen ke atas fungsi mengikut keperluan masing-masing seperti di atas adalah tertakluk kepada beberapa syarat. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:


- (i) Amaun Jaminan Bank seharusnya mencukupi untuk menampung keperluannya bagi semua cawangan syarikat.yang ada di seluruh negara..
- (ii) Kebenaran menebus (*redeem*) Jaminan Bank oleh pihak syarikat/agen adalah mengikut peraturan sistem perbankan. Bagi pilihan seperti di para 3(iii) *redemption* hanya boleh dibuat di syarikat induk di mana Jaminan Bank didaftarkan.
- (iii) Setiap pilihan yang dibuat oleh syarikat/agen seperti di atas adalah terikat dengan sistem / prosidur perbankan.

5. Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan Perintah Tetap Kewangan Bil. 4 bertarikh 31 Oktober 1997 dipatuhi oleh pihak syarikat/agen termasuk pelaksanaan satu Jaminan Bank/Bon Am di mana jumlah amaun Jaminan Bank untuk tujuan pembayaran dan kawalan (keselamatan) adalah mencukupi bagi menanggung pembayaran melalui cek dan untuk menjamin keselamatan hasil cukai-cukai kastam, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, denda dan penalti. Pelaksanaan satu Bon Am adalah untuk tujuan fungsi keselamatan hasil bagi dagangan bukan kritikal sahaja.

Sekian, Terima Kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya Yang Menurut Perintah,



**(DATO') HJ. MD SALLEH BIN SAID)**

Pengarah

Bahagian Perkastaman

b.p Ketua Pengarah Kastam

**MALAYSIA**

s.k.:

- i. Ketua Pengarah Kastam  
**MALAYSIA**
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Kastam  
(Penguatkuasaan dan Pematuhan )
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Kastam  
(Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)
- iv. Timbalan Pengarah Kastam  
Cawangan Teknologi Maklumat  
Ibu Pejabat

**FORMAT 'C'**

(Jaminan ini hendaklah disediakan dengan Kertas Wajar Bank berkenaan dalam 3 salinan) – 2 salinan disimpan di Pejabat Kastam, 1 dikembalikan kepada bank selepas didaftar

Akta Kastam 1967  
Akta Cukai Julan 1972  
Akta Eksais 1976  
Akta Cukai Perkhidmatan 1975

**JAMINAN BANK**

Kepada :

Ketua Pengarah Kastam,  
Malaysia,  
Kastam Diraja Malaysia  
d/a .....  
(Stesen Kastam Berkenaan)

- 1. Ruj.Kastam/perbendaharaan:  
(Customs/Treasury Ref).....
- 2. Ruj.Permohonan Kami:  
(Our Application Ref).....
- 3. No. Jaminan Bank:.....
- 4. Perkara:  
(Subject Matter).....

**Jaminan Bank bagi pembayaran duti/cukai Kastam serta keselamatan hasil**

Jaminan ini dibuat pada \_\_\_\_\_ oleh \_\_\_\_\_ (Nama Bank) yang beralamat \_\_\_\_\_ (kemudian daripada ini disebut sebagai "Penjamin") untuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diwakili oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia (kemudian ini disebut sebagai "Kerajaan")

Bagi maksud jaminan ini, pembayaran duti/cukai Kastam merangkumi cukai-cukai kastam, duti eksais (import) dan cukai jualan (import) yang dibayar melalui cek sahaja. Keselamatan hasil merangkumi urusan penyimpanan, pergerakan, pemindahan barangan yang berduti dan jaminan pembayaran denda serta penalti.

No. Jaminan Bank yang tersebut di atas bagi jumlah jaminan sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia :.....sahaja) yang berkuatkuasa dari tarikh .....hingga.....dikeluarkan bagi tujuan sepertimana berikut:-

- a) menanggung pembayaran duti/cukai Kastam kepada Kerajaan, bagi cek-cek yang dikeluarkan dengan syarat amaun cek yang dikemukakan kepada Penjamin untuk pembayaran dalam tempoh satu (1) hari dan pengemukaan cek-cek hendaklah tidak lewat dari tiga puluh (30) hari selepas tamat tarikh sahlaku cek-cek tersebut.
- b) menjamin keselamatan hasil dan apa jua tuntutan daripada Kerajaan di bawah Akta-akta yang tersebut di atas.

Di atas persetujuan Kerajaan, Penjamin dengan ini bersetuju untuk menerima cek-cek yang dikeluarkan oleh :

Nama Syarikat/Agen : .....  
No. Pendaftaran Syarikat/Kod Ajen : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....  
.....

Di atas persetujuan Kerajaan untuk menerima jaminan daripada Penjamin, maka dengan ini, Penjamin memberi jaminan bahawa Penjamin akan membayar kepada Kerajaan apabila apa-apa tuntutan dibuat secara bertulis dengan syarat jumlah wang tuntutan adalah tidak melebihi jumlah jaminan yang telah ditetapkan.

Jaminan, jika sekiranya perlu, boleh dibatalkan sebelum tamat tempoh jaminan oleh Penjamin dengan memberikan notis dua (2) bulan secara bertulis kepada Kerajaan. Sebarang tuntutan oleh Kerajaan berkaitan dengan jaminan hendaklah dibuat dengan memberi notis dua (2) bulan secara bertulis kepada Penjamin dalam tempoh sahlaku jaminan.

Kerajaan pada bila-bila masa dan dalam mana-mana keadaan, berhak untuk membuat apa-apa jumlah tuntutan jika perlu dengan syarat sesuatu jumlah tuntutan tidak melebihi jumlah jaminan yang telah ditetapkan. Bagi maksud tersebut, liabiliti jumlah jaminan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran yang telah dibuat oleh Penjamin.

.....  
(Tandatangan pihak berkuasa bank)

.....  
(Jawatan)



\*Potong mana yang tidak berkenaan.

(Untuk kegunaan pejabat)

No.Daftar: .....  
Tarikh Daftar: .....  
Tarikh batal: .....

.....  
Pengarah Kastam Negeri  
.....